

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. UST. DATUK DR. MOHD.  
KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI**

**KAWASAN : KUALA NERUS**

**TARIKH : 2 APRIL 2015 (KHAMIS)**

**NO. SOALAN : 62**

Y.B. UST. DATUK DR. MOHD. KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI [KUALA NERUS ] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan :

- (a) Bilangan terkini usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang telah memohon Dana Kecemasan PKS (SMEEF) yang diuruskan oleh SME Corporation dan Malaysian Industrial Development Finance Bhd. (MIDF); dan
- (b) Apakah usaha-usaha yang dilakukan bagi memastikan kesemua 13,337 usahawan PKS yang dikenal pasti terjejas akibat banjir memohon dan mendapatkan bantuan daripada dana tersebut.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan sentiasa prihatin terhadap nasib mangsa-mangsa bencana banjir, termasuk PKS yang telah terjejas perniagaan mereka akibat banjir yang telah berlaku baru-baru ini. Bagi membantu PKS yang terjejas, Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) telah menyediakan Dana Kecemasan PKS (SMEEF) sebanyak RM10 juta dalam bentuk geran dan pinjaman mudah yang disalurkan melalui SME Corp. Malaysia dan MIDF. Skop pembiayaan dana adalah meliputi bantuan pembelian mesin dan peralatan bagi menggantikan mesin yang rosak dan musnah dalam bencana banjir baru-baru ini. Bantuan juga diberikan bagi pembelian bahan mentah dan kos membaik pulih premis.

Sehingga Februari 2015, SME Corp. Malaysia telah menerima 500 permohonan untuk mendapatkan geran daripada usahawan PKS yang terjejas di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Perak. Dalam tempoh yang sama juga, sebanyak 118 PKS telah memohon Dana Kecemasan PKS dalam bentuk pinjaman mudah yang diuruskan oleh MIDF.

Selain itu, MITI melalui SME Bank turut menyediakan bantuan kewangan untuk membantu PKS yang terjejas. Bantuan tersebut adalah melalui Dana Kemudahan Bantuan Khas (Special Relief Fund) dalam bentuk Skim Jaminan Kredit. Sehingga Februari 2015, sebanyak RM4.89 juta telah diluluskan kepada 41 usahawan PKS yang terlibat di negeri Kelantan, Pahang dan Terengganu.

Tuan Yang Di-Pertua,

Antara usaha-usaha yang dilakukan oleh MITI dan Agensi bagi memastikan usahawan yang terjejas akibat banjir mendapat bantuan daripada dana-dana yang disediakan adalah:

- i. SME Corp. menganjurkan sesi taklimat mengenai proses permohonan bagi mendapatkan bantuan kewangan di bawah Dana Kecemasan PKS (SMEEF) kepada PKS yang terjejas;
- ii. Melawat kawasan yang dikenal pasti terjejas akibat banjir dan menawarkan bantuan kewangan di bawah SMEEF. Usaha ini telah dijalankan dengan kerjasama persatuan perdagangan dan juga pegawai-pegawai daerah di kawasan-kawasan yang terlibat;
- iii. Membuat hebahan media mengenai dana ini bagi memastikan liputan yang lebih meluas disampaikan kepada PKS yang terlibat;
- iv. SME Bank melakukan tinjauan di kalangan pelanggannya di kawasan yang terjejas akibat banjir dan menawarkan penangguhan bayaran ansuran bulanan sehingga 6 bulan kepada 156 pelanggan yang menjadi mangsa banjir;
- v. MIDF membuat hebahan melalui media masa mengenai dana SMEEF yang boleh dipohon oleh PKS yang terjejas akibat banjir. Di samping itu, aktiviti seperti program penerangan turut diadakan di daerah-daerah yang terjejas akibat banjir;

- vi. Pembiayaan sebanyak RM60.2 juta yang melibatkan 48 syarikat di bawah skim-skim pinjaman MIDF telah disusun semula untuk memberi peluang kepada syarikat-syarikat tersebut untk kembali memulakan perniagaan.